

*Tarikh Dibaca: 25 OGOS 2023M / 08 SAFAR 1445H*



# **KHUTBAH JUMAAAT**

*Tajuk:*

***“MEMAKNAI ERTI SEBUAH  
KEMERDEKAAN”***

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## "MEMAKNAI ERTI SEBUAH KEMERDEKAAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ عَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكُسِّبُونَ<sup>١</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ<sup>٢</sup>

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Semoga kita dibangkitkan dalam kalangan mereka yang bertakwa di akhirat kelak.

Tajuk khutbah pada hari ini ialah "**MEMAKNAI ERTI SEBUAH KEMERDEKAAN.**"

<sup>1</sup> al-A'raf : 96.

<sup>2</sup> ali-Imran : 102.



## Hadirin yang dirahmati Allah,

31 Ogos 1957 adalah tarikh merdekanya negara kita. Kegembiraan ini sewajibnya dihiasi dengan rasa syukur segenap warga kerana ianya adalah amat berharga. Bersyukurlah dengan kemerdekaan ini kerana tanpanya kita akan menjadi bangsa yang hina di bumi sendiri. Sungguh sikap bersyukur ini merupakan antara perkara yang mesti ada disisi dalam meraikan sebuah kemerdekaan.

Dalam mencari erti sebuah kemerdekaan bukan sekadar mengerti derita sebuah penjajahan. Bangsa yang dijajah amat inginkan kemerdekaan hingga sanggup berjuang dan berperang sampai ke titisan darah terakhir. Mereka berkorban apa sahaja demi untuk meraih kemerdekaan itu. Begitulah besarnya erti sebuah perjuangan kemerdekaan. Soalan yang mesti kita tanyakan pada diri, apakah makna sebuah kemerdekaan sekarang. Dalam Islam, kemerdekaan itu bermakna suci. Agama Islam itu sendiri telah memberi makna kesejahteraan, kedamaian dan keamanan. Hakikatnya, kesemua makna ini semuanya menjurus kepada maksud kemerdekaan yang kita fahami kini.

Bagi seorang Muslim, nikmat kebebasan dalam kemerdekaan seharusnya disyukuri. Kebebasan ini bukan sahaja memberi peluang untuk kita menentukan corak hidup tetapi lebih penting adalah membebaskan diri dan pemikiran daripada kemosyirkan kepada Allah SWT dan sifat-sifat jahiliyah yang telah dimomokkan penjajah. Oleh itu, seorang Muslim yang merdeka merupakan seorang Muslim yang bebas daripada keruntuhan akhlak dan kemurkaan Allah SWT. Hadis daripada Fadhalah bin Ubaid Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda ketika Haji Wada' yang bermaksud:

*"Mahukah kalian aku khabarkan tentang orang mukmin, iaitu orang yang (membuat) orang lain berasa aman atas harta dan diri mereka, orang*



*muslim adalah orang yang (membuat) orang lain sejahtera daripada (bahaya) lidah dan tangannya, mujahid adalah orang yang memerangi nafsu dirinya dalam mentaati Allah, dan muhajir adalah orang yang meninggalkan kesalahan-kesalahan dan dosa-dosa."*

*(Riwayat Ahmad dan Ibnu Hibban).*

### **Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Perpaduan adalah bingkai yang membentuk sebuah kemerdekaan. Kita ini rakyat negara yang punya pelbagai latar yang berbeza. Negara ini bagi lukisan indah yang terdiri dari warna warni yang dimajmukkan yang dicemburui orang yang melihatnya. Penyatuan yang digarap dengan warna warni itu telah menjadikan kita ini gambar yang bukan sahaja indah tetapi amat berharga untuk kita semua. Kita telah disatukan dalam satu bingkai perpaduan yang menjadikan bagai lukisan yang saling melengkapi walaupun ada beza warna dan warninya. Lukisan yang berbingkai perpaduan itu akhirnya digantung di peta dunia sebagai sebuah negara yang merdeka kerana perpaduannya. Inilah keunikan makna sebenar sebuah kemerdekaan di negara yang kita cintai ini. Kerosakan bingkai lukisan perpaduan ini akan menyebabkan kemerdekaan itu boleh retak dan terhempas berkecaci hingga boleh menyebabkan jatuh ke kancah peta penjajahan. Semua itu mesti difikir dan dibayangkan. Kerana jika tidak mengelak dari kerosakan bingkai perpaduan ini hilanglah makna sebuah negara merdeka dan hanya merugikan kita semua. Perpecahan hanya mencacatkan erti kemerdekaan. Kerana tanpa perpaduan adalah sukar untuk kita menggapainya sebagai nikmat yang tidak ternilai.

### **Muslimin sekalian,**

Mutakhir ini kita melihat perpaduan antara kita semakin goyah. Umat Islam yang beriman tidak wajar menggunakan senjata perpecahan untuk mencapai cita-cita duniawi mereka. Adalah tidak wajar segelintir umat Islam



terus menerus menimbulkan keresahan dan kekalutan dalam kalangan rakyat dengan sebarang berita dan cerita palsu. Segala perbezaan pandangan mesti diselesaikan secara patriotik dan prinsip-prinsip Islam dengan meletakkan kepentingan negara adalah yang terpenting. Bukan dengan menuang racun dan virus perpecahan dalam masyarakat yang majmuk ini. Janganlah menjadikan rakyat sebagai mangsa dan pertaruhan kerana ini merupakan tindakan yang amat tidak bertanggungjawab. Perbezaan sepatutnya tidak dijadikan faktor perpecahan jika didikan Al-Quran dan As-Sunnah diambil pengajaran erti hikmahnya sebuah perbezaan. Firman Allah dalam Surah Al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:

*"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)."*

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Jangan sesekali mengundang penajahan itu untuk menjadi sejarah yang berulang. Kita semua bertanggungjawab untuk mempertahankan kemerdekaan ini. Negara ini adalah amanah untuk kita semua. Jangan gadaikannya hanya kerana terliur dengan imbalan dunia hingga terperangkap dengan sikap khianat kepada negara merdeka ini. Semuanya mesti bermula dari individu, keluarga dan masyarakat untuk menolak sebarang bentuk perbuatan khianat kepada negara. Perbuatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa adalah musuh utama dalam sebuah negara merdeka. Sejarah telah membuktikan umat Islam adalah hebat dan kuat kerana tiada pengkhianatan amanah, tiada salah guna kuasa dan tiada rasuah. Firman Allah SWT dalam Surah al-Anfal ayat 27:



يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْانَتِكُمْ  
وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)."

### Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Marilah kita bersyukur dengan nikmat kemerdekaan ini. Kemerdekaan ini sudah pasti merupakan suatu anugerah yang besar kurniaan Allah kepada kita. Maka bersyukurlah dengan apa yang kita miliki sekarang. Jangan sesekali lupa bahawa semua ini adalah kurniaan Yang Maha Perkasa. Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لِئِنْ شَكَرْتُمْ لَا زِدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras."

Marilah kita mengisi kemerdekaan kita dengan sesuatu yang bermakna. Semarakkan program kemerdekaan dengan penuh syukur dan keinsafan. Didiklah generasi muda agar tidak dibuai jasa tokoh masa lalu hingga lupa mencipta gemilang kemerdekaan yang sebenar untuk masa kini. Hindarilah makna kemerdekaan yang disalah erti hingga merdeka sering dikaitkan dengan kebebasan melakukan apa sahaja hanya berpaksikan nafsu semata. Firman Allah SWT dalam al-Hajj ayat 41:



الَّذِينَ إِنْ مَكَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَعَاتُوا الْزَّكُوَةَ وَأَمْرُوا  
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

"Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahanan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah SWT jualah kesudahan segala urusan."

### **Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini marilah kita sama-sama hayati dan ambil pengajaran untuk dijadikan pedoman iaitu:

1. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa nikmat kemerdekaan itu adalah anugerah Allah SWT yang mesti dipertahankan dan diisi dengan amar makruf dan nahi mungkar.
2. Umat Islam hendaklah bersatu padu bagi mengelakkan kemenangan kepada pihak musuh.
3. Umat Islam yang mengkhianati amanah kemerdekaan akan mengundang sejarah era penjajahan berulang semula.
4. Generasi muda mesti dididik supaya memahami makna kemerdekaan yang sebenar selaras dengan syariat agar mereka tidak terjajah dengan budaya maksiat yang mengundang pelbagai bala bencana dan kemurkaan Allah SWT.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
قُلْ أَللَّهُمَّ مَلِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ شَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ  
مِمَّنْ شَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ شَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ شَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

(Ali-Imran : 26)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا  
فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَا وَتَهُ،  
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الْدِينِ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauahkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ  
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ⑤  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ



وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. أَللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ  
الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعِينِ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُور، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَجِّ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَجِّ. أَللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُور، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. أَللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُؤْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلَغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk



dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفِعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَادِ وَالْمَحَنَّ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِإِجَابَةِ جَدِيرٍ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً

٧٤

رَبَّنَا ءَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ٢٦

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسْنَى وَإِيتَاهُ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٦٩

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَتِهِ يَزِدُّكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.